

# Saya dijadikan kambing hitam - Ibrahim Ali

KOTA BHARU 11 Ogos - Bekas Ahli Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali menolak dakwaan bahawa beliau berperanan sebagai salah seorang penghasut utama Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya mengkritik kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, tuduhan nakal yang dilemparkan terhadapnya itu adalah sesuatu yang mengejutkan dan menghairkannya kerana orang biasa sepertinya cuba digambarkan begitu berpengaruh sehingga mampu menghasut seorang negarawan ulung.

Menurutnya ini sesuatu yang memang tidak masuk akal sama sekali dan tuduhan ini tidak ubah hanya untuk menjadikannya sebagai 'kambing hitam' seperti yang sering berlaku ke atasnya setiap kali parti ada masalah."

"Kali ini memang jelas tidak masuk akal langsung kerana Dr. Mahathir dikenali sebagai seorang pemimpin yang sentiasa berpegang kepada pemikirannya yang tersendiri.

"Justeru saya harap hentikan saja dakwaan tersebut kerana tidak ada siapa pun yang akan percaya yang orang seperti Ibrahim Ali mampu menghasut Tun, sebaliknya jawablah dengan fakta dan bukan emosi," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

## Dakwaan

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin yang secara terbuka mengaitkan beliau sebagai penghasut utama supaya Dr. Mahathir mengkritik kerajaan.

Khairy membuat dakwaan itu ketika beliau berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian Baling, Kedah hari ini.

Seorang lagi penghasut yang didedahkan Khairy dalam ucapannya itu ialah bekas Setiausaha Politik Dr. Mahathir, Matthias Chang.

Ibrahim meminta kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya tidak mengaitkan lagi namanya dalam isu ini kerana beliau bukanlah orang yang terlibat dalam isu pertembungan antara Dr. Mahathir dan Perdana Menteri.

"Mengapa nama saya tiba-tiba dikaitkan pula tanpa sebab. Malah bukan saya yang merancang membawa Tun ke Kelantan baru-baru ini, sebaliknya ia adalah jemputan

Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) negeri.

"Lebih senang bagi saya jawablah ia mengikut apa yang dimahukan Tun, tak usah kaitkan pihak lain sama ada saya atau sesiapa sahaja sebagai penyebab.

Saya sudah lama dalam politik.

"Isu ini tidak perlu diselesaikan ikut emosi sebaliknya perlu dijelaskan berdasar fakta seperti yang dimahukan Tun," tegasnya.